

**Delegasi Pakistan Di Malaysia Hadiri Persidangan Dan Ekspo Penjagaan Kesihatan Bernama
13 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Delegasi sembilan anggota pengeksport instrumen pembedahan dan pergigian dari Pakistan kini berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri Persidangan dan Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa APHM mulai 17-19 Julai ini.

Acara yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) itu akan mengetengahkan 120 petak pameran yang akan memperlihatkan kecanggihan teknologi dalam penjagaan kesihatan oleh peserta pameran dari Australia, China, Pakistan, Singapura, Malaysia dan Amerika Syarikat.

Delegasi Pakistan ini dijadual mengadakan mesyuarat dengan para pemegang kepentingan utama termasuk Dewan Perdagangan dan Industri Melayu Malaysia (DPMM), Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Biro Peralatan Perubatan, Kementerian Kesihatan dan kerajaan negeri Pulau Pinang.

Mesyuarat itu ialah untuk meninjau kemungkinan eksport instrumen perubatan dan pergigian ke Malaysia, kata Suruhanjaya Tinggi Pakistan dalam satu kenyataan Jumaat.

Delegasi juga dijangka melawat Hospital-hospital Tawakkal dan Gleneagles, selain daripada Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas di Pulau Pinang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680341>